

Sejarah panduan elak ulang kesilapan: Najib

Konteks pemikiran mesti lebih luas sebelum buat keputusan


Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Sejarah negara harus dijadikan panduan oleh rakyat negara ini terutama ketika berhadapan sesuatu krisis bagi mengelak kesilapan lalu berulang, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Sejarah dapat membantu kita berfikir dan membuat keputusan mengikut konteks lebih luas serta mengelakkan kita mengulangi kesilapan lalu," katanya ketika melancarkan jilid ke-11 siri Ensiklopedia Malaysia bertajuk *Kerajaan dan Politik* dan laman web www.ensiklopedia.com.my di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas; Pengerusi Lembaga Penasihat Editorial Ensiklopedia Malaysia, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Penerbit Ensiklopedia Malaysia, Didier Millet; Pengarang Jilid *Kerajaan dan Politik*, Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad dan Perunding Pemasaran Jabatan Pengarang The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Hardev Kaur.

Najib berkata, penerbitan buku *Kerajaan dan Politik* amat tepat kerana menyediakan pelbagai maklumat mengenai rakyat negara ini serta ba-



MAKLUMAT NEGARA: Najib melancarkan jilid ke-11 siri Ensiklopedia Malaysia bertajuk Kerajaan dan Politik sambil diperhatikan Ahmad Sarji di Putrajaya, semalam.

han sesuai untuk rujukan generasi akan datang.

"Ensiklopedia *Kerajaan dan Politik* amat sesuai dengan era pembangunan negara yang kini dalam fasa kedua pelaksanaan Wawasan 2020 yang memberi tumpuan kepada pembangunan modal ihsan.

Sementara itu, Ahmad Sarji berkata, buku setebal 195 muka surat dan dijual pada harga RM95, me-

"Ensiklopedia Kerajaan dan Politik bahan sesuai untuk generasi akan datang"

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

nyentuh pelbagai isu dan kejadian antara 1940 sehingga 2006.

Beliau berkata, buku itu turut memberi tumpuan kepada gerakan hasionalis dan kemerdekaan termasuk menghargai sumbangan semua yang terbabit.

Buku ini adalah yang ke-11 diterbitkan dalam siri Ensiklopedia Malaysia dan baki lima jilid akan diterbitkan secara berperingkat.